

SYARAT-SYARAT BAGI PERMOHONAN BAZAR RAMADAN / AIDILFITRI DATARAN SENAWANG BAGI TAHUN 1447H/2026M

1. Kelayakan pemohon dan pembantu :

- 1.1 Mestilah warga Seremban yang berumur 18 tahun dan ke atas pada tarikh tutup permohonan.
- 1.2 Pemohon **diwajibkan berdaftar dengan SSM** yang beralamat di **Daerah Seremban sahaja ATAU Permit Bazar Aidilfitri 2025**.
- 1.3 Pemohon tidak mempunyai rekod tunggakan cukai taksiran, kompaun dan lain-lain bayaran dengan MBS.
- 1.4 Mempunyai Sijil Kursus Pengendalian Makanan dan Kad / Surat Pengesahan Suntikan Anti Thypoid yang sah bagi jenis perniagaan makanan dan minuman.
- 1.5 Setiap syarikat hanya dibenarkan untuk mengemukakan 1 permohonan bagi 1 tapak / petak sahaja.
- 1.6 **Tidak dibenarkan untuk menukar jenis jualan selepas permit sementara dikeluarkan.**
- 1.7 Tidak dibenarkan untuk menukar tapak / petak selepas permit sementara dikeluarkan.
- 1.8 Pihak Majlis akan menyediakan khemah beserta 1 plug point dan 1 unit kipas. Sebarang penyambungan atau penambahan plug point adalah tidak dibenarkan. Sekiranya pemohon memerlukan plug point tambahan, hendaklah merujuk kepada pembekal khemah iaitu YNS Event Management Sdn Bhd.
- 1.9 Bayaran proses permohonan dan deposit adalah secara *one off* dan pemohon perlu memastikan had kad transaksi tidak kurang dari RM 6,000.00 semasa membuat bayaran secara *one off*.

2. Dokumen yang diperlukan oleh **pemohon dan pembantu** semasa kemuka permohonan :-

- 2.1 Salinan kad pengenalan.
- 2.2 Salinan Pendaftaran Syarikat (SSM) yang belum tamat tempoh. (Pemohon sahaja).
- 2.3 Dua (2) keping gambar berwarna berukuran passport.
- 2.4 Salinan muka hadapan penyata bank.
- 2.5 Salinan Sijil Kursus Pengendalian Makanan dan kad / surat Anti Typhoid yang masih sah bagi makanan / minuman sahaja.
- 2.6 Borang permohonan yang telah lengkap diisi.

- 2.7 Mengemukakan resit bayaran dan penyata transaksi bank kepada penganjur Tahun 2026 bagi bayaran sehingga 28 Januari 2026 sebelum jam 12.00 tengah hari (sekiranya ada).
3. Setiap peniaga Bazar Ramadan perlu mempunyai Permit Sementara daripada MBS dan hendaklah dipamerkan sepanjang masa perniagaan.
4. **Peniaga atau pembantu warga asing adalah tidak dibenarkan.** Tindakan penguatkuasaan akan diambil sekiranya terdapat warga asing di tapak.
5. Semua pengendali makanan perlu mendapat suntikan anti Typoid dan perlu menghadiri kursus pengendali makanan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
6. Semua pengendali makanan perlu berpakaian bersih, memakai apron, penutup kepala dan kasut sepanjang menjalankan perniagaan.
7. Perlu membersihkan tapak perniagaan dan sampah hendaklah dimasukkan ke dalam bag plastik serta diikat setelah selesai menjalankan perniagaan dan dibuang di tempat yang disediakan oleh pihak Majlis.
8. **Waktu perniagaan yang dibenarkan adalah bermula dari jam 3.30 petang hingga 8.00 malam (bazar juadah) dan 9.00 malam hingga 2.00 pagi (bazar Aidilfitri).**
9. Pelesen perlu berada di tapak sepanjang perniagaan dijalankan.
10. Perlu memastikan makanan dan minuman sentiasa ditutup sepanjang perniagaan bagi mengelakkan pencemaran.
11. Harga jualan perlu dipamerkan semasa perniagaan dijalankan.
12. Tidak dibenarkan menjual barangan tiruan atau cetak rompak.
13. Penjualan bunga api adalah dibenarkan sekiranya mendapat kelulusan daripada pihak polis dan mempunyai permit daripada MBS.
14. Perlu mematuhi arahan Majlis Bandaraya Seremban, Jabatan Kesihatan Daerah, MKN, KPDNHEP, Polis dan lain-lain agensi dari semasa ke semasa.
15. **Permohonan tambahan untuk kawasan awam** dengan mengisi **borang BPL 06-02 :**
- 15.1 **Kadar permit untuk awning maksimum 3 kaki RM100.00**
- 15.2 **Kadar permit untuk meja RM15.00/unit**
16. **Cara memohon :**
- 16.1 Borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan boleh didapati di kaunter Jabatan Pelesenan & Pembangunan Usahawan secara percuma atau **muat turun dari laman sesawang Majlis Bandaraya Seremban** www.mbs.gov.my.

- 16.2 Borang Permohonan hendaklah ditandatangani / disahkan dan disertakan dengan dokumen yang lengkap seperti syarat-syarat permohonan.
- 16.3 BORANG PERMOHONAN YANG TIDAK LENGKAP DIISI / TIDAK MEMENUHI SYARAT AKAN DITOLAK.**